

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN DWI-TAHUNAN WICITRA
Lokasi : MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 01-12-1984

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Dif-Dif Kehormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera para hadirin sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Muzium Negara di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Pamiran dan Pertandingan Dwi-Tahunan WICITRA '84 hari ini.

2. Kraftangan adalah salah satu daripada unsur-unsur seni budaya bagi sesuatu masyarakat. Masyarakat negara ini memang diakui mempunyai kebudayaan yang mengandungi unsur-unsur seni yang kaya seperti yang dilahirkan di antara lainnya dalam bentuk hasil kraf. Pelbagai bidang kraf yang menggunakan bahan-bahan daripada hasil rimba dan tumbuh-tumbuhan, hasil bumi, benang serta kain, dan bahagian-bahagian haiwan telah diusahakan dengan dayareka dan kemahiran yang diwarisi sejak zaman berzaman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Dahulu kala, pengeluaran barangan kraf merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang memenuhi kehendak dan keperluan harian. Sesuai dengan keadaan dan peringkat teknologi ketika itu, proses pembuatannya melibatkan penggunaan peralatan-peralatan mudah serta kaedah-kaedah yang tertentu sahaja. Bakat seni serta kemahiran yang diperolehi secara informal dipupuk dengan sikap mengutamakan kehalusan kerja dan ketinggian mutu melalui penelitian, ketekunan dan ketabahan.

4. Pada hari ini pengeluaran barangan secara massa dengan menggunakan peralatan teknologi yang tinggi telah mengambil-alih fungsi penghasilan barang kegunaan harian.

Akibatnya semakin berkuranglah bilangan pengusaha kraftangan dalam generasi masakini dan kian luputlah pengetahuan dan kepakaran dalam bidang ini.

5. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini telah timbul kembali kesedaran serta penilaian yang tinggi terhadap keluaran kraf yang mempunyai ciri-ciri tradisional dan kesenian. Sementara barangan keluaran secara massa dengan teknologi masakini memenuhi kehendak praktikal daripada segi kegunaan sehari-hari, barangan kraftangan lebih memenuhi kehendak-kehendak estetika yang mencerminkan citarasa masyarakat yang bertamadun. Adanya kehendak-kehendak estetika ini menempatkan kegiatan pengeluaran kraf kembali sebagai satu aktiviti ekonomi yang mempunyai unsur dagangan atau 'commercialism'. Di sinilah kita yang terlibat dalam pengeluaran kraf harus berhati-hati dalam mengejar cita-cita bagi memenuhi erti kata 'commercialism' itu.

6. Apa yang terdapat hari ini ialah, pada satu pihak pengeluaran kraf dibuat tanpa menghiraukan perkara-perkara seperti ketinggian mutu, kehalusan kerja, citarasa pengguna dan sebagainya. Pengeluar kraf seperti ini berpendapat bahawa barangan mereka dapat dikeluarkan dengan kuantiti yang lebih banyak dan harga yang lebih rendah, dan dengan itu lebih menarik para pembeli. Sebaliknya, pada penghujung sekil ini, terdapat pula golongan yang masih memelihara nilai-nilai yang disebutkan tadi dan dengan itu keluaran mereka terhad, dengan harga pasaran yang tinggi, dan pemasaran yang terhad.

7. Dilema yang dihadapi pada kebiasaannya ialah pendapatan hasil daripada dayausaha mereka tidak dapat menampung sara hidup. Bagi mengatasi masalah ini, apa yang perlu adalah sikap serta pendekatan yang mengambilkira semua aspek yang dapat menjadikan pengeluaran kraf satu aktiviti ekonomi yang dapat mendatangkan sumber pendapatan yang lumayan tanpa mengorbankan ketinggian

mutu barangan. Ini tidak mustahil dicapai, kerana nilai-nilai yang diperlukan untuk memastikan kedudukan ini dapat dihasilkan dengan pembuatan yang menggabungkan rekabentuk yang baik, teknologi baru yang sesuai, kehalusan pembuatan, pengawalan mutu, serta usaha-usaha galakan dan penyaluran pasaran yang berkesan.

Pelbagai agensi khusus telah diwujudkan bagi membantu menjayakan kehendak-kehendak tersebut.

8. Pameran dan Pertandingan WICITRA yang diadakan setiap dua tahun sekali ini, merupakan satu daya usaha dalam memupuk sikap yang saya sebutkan tadi. Pameran dan Pertandingan seumpama ini akan mendorong dan menggalakkan penghasilan barangan kraf yang dapat memenuhi citarasa pemiliknya kerana perhatian yang berat telah diambil terhadap ketinggian nilai rekabentuk serta kehalusan pembuatannya. Semua barang kraf yang dipamer dan dipertandingkan merupakan pilihan-pilihan yang terbaik di antara yang telah dikemukakan oleh para peserta dari seluruh negara.

9. Apa yang diharapkan semasa pameran WICITRA ini berlangsung selama sebulan ialah pengenalan-pastian potensi setengah-setengah barangan yang dipamerkan untuk dimajukan dalam pasaran. Agensi-agensi pemasaran seharusnya dapat mengenal-pasti barang-barang tersebut dan membuat penempahan untuk pengeluaran, dan seterusnya memasarkannya bukan sahaja di dalam negeri, tetapi juga di luar negeri. Dengan cara inilah pengeluaran kraf dapat memenuhi citarasa para pengguna yang semakin teliti dan 'sophisticated' dan seterusnya menjadikannya satu aktiviti ekonomi yang dapat menjamin pendapatan yang boleh menyara hidup para pengusaha kraf, Insya-Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua peserta yang berjaya memenangi anugerah-anugerah serta hadiah-hadiah. Bagi peserta-peserta yang tidak berjaya, saya berharap mereka tidak berputus asa, sebaliknya terus berusaha dengan lebih giat lagi dalam penyertaan di pertandingan-pertandingan yang akan datang.

11. Dengan ini, saya dengan segala sukacitanya membuka Pameran dan Pertandingan Dwi-tahunan WICITRA '84 ini dengan rasminya.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.